



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Kursus New Breed Marketing Entrepreneur (NBME) Ejen Pemasar

Program Perasmian kursus *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME) Ejen Pemasar yang telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Mohamad Mustahapa Bin Awang, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA.

Hadir bersama ialah Yang Berusaha Profesor Dr. Saimi bin Bujang, Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah; Yang Berusaha Encik Johari bin Kusai selaku Ketua Unit Keusahawanan Politeknik Mukah; Yang Berusaha Puan Habibah binti Sulaiman, yang merupakan Pengarah Kanan Pembangunan Modal Insan FAMA Ibu Pejabat dan En. Abdul Ja'afar Bin Lian selaku Pengarah FAMA Negeri Sarawak.

NBME merupakan program yang menggunakan konsep *reseller*/agen *dropship* dan menggunakan portal Agrobazaar Online sebagai platform utama.

Program ini juga melibatkan kerjasama antara pihak FAMA dan juga pihak Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta (IPTA / IPTS) yang berminat. Ia dirangka untuk memberi pendedahan kepada golongan muda yang kurang pengalaman dan modal untuk menceburi perniagaan dan menjalankan pemasaran secara dalam talian.

Program ini merupakan kerjasama antara UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Politeknik Mukah dan Persatuan Belia Mukah. Seramai 400 orang pelajar telah mengikuti kursus yang telah dilaksanakan. Program NBME anjuran FAMA mensasarkan 10 ribu usahawan baru menjelang tahun 2025. "Ia merupakan sasaran jangka panjang 5 tahun di bawah RMK-12" kata YBhg. Dato' Haji. Mohamad Mustahapa Awang, Timb. Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA. Tambahnya lagi, sejak bermulanya pelaksanaan RMK-12 hingga September 2022, seramai 8,751 orang

usahawan baru telah pun dilatih melalui program ini di mana 4,000 orang pada tahun 2021 dan 4,751 orang lagi pada tahun 2022.

Program ini merupakan usaha Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI) menerusi FAMA dalam membantu meluaskan pasaran dan meningkatkan pendapatan Usahawan Agromakanan melalui platform pasaran (*marketplace*) Agrobazaar Online.

Antara pengisian sepanjang Program NBME ini ialah Jualan My Best Buy, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, Pertandingan E-sport (PUBG), Pertandingan & Bengkel Memanah dan Zumba.

